

# GAH-UMS martabat hasil seni pengkarya rantau Borneo

UB 03.07.2024 P.08

**KOTAKINABALU:** Pameran Solo 'The Kingdom: Rivers and Tributaries (II)' oleh pengkarya seni abstrak tersohor dari Negara Brunei Darussalam, Pengiran Abd. Wahab Hassan Al-Abbas di Galeri Azman Hashim Universiti Malaysia Sabah (GAH-UMS) memperlihatkan usaha galeri itu memartabatkan hasil seni pengkarya dari rantau Borneo.

Pameran yang berlangsung bermula 27 Jun sehingga 15 Ogos itu mempamerkan 82 karya.

La mengangkat pelbagai kisah sejarah dan keunikan biodiversiti di Kepulauan Borneo yang diterjemahkan melalui hasil seni berbentuk abstrak.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Dr. Shahril Yusof dalam ucapannya sempena perasmian pameran itu baru-baru ini berkata, kepelbagaian kaum dan budaya di Sabah itu sendiri merupakan satu keunikan yang berpotensi untuk diceritakan melalui hasil karya seni.

"Melihat kepada potensi itu, GAH-UMS ditubuhkan sebagai menyokong usaha penggiat seni di Sabah menghasilkan karya serta mengembangkan lagi industri seni khususnya seni visual di negeri ini.

"Walaupun dengan pesatan teknologi serta perkembangan kecerdasan buatan yang menggantikan pelbagai kemahiran, namun bidang seni masih memerlukan sentuhan manusia dan tidak boleh diganti dengan kemajuan teknologi," katanya.

Beliau menyeru pelajar UMS khususnya pelajar program Teknologi Seni Visual, Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTIF) untuk memanfaatkan program pameran yang giat dijalankan oleh GAH-UMS,

la bagi mempelajari dan mendalami bidang seni daripada pengkarya-pengkarya berpengalaman sebagai panduan untuk kerjaya pada masa hadapan.



**SAMBUTAN:** Antara peserta yang hadir pada acara perasmian pameran solo.



**RASMI:** Mohamad Ashrul menyempurnakan gimik perasmian pameran solo.

Dalam pada itu, Pengiran Abd. Wahab menjelaskan, pameran solonya antara lain mahu membawa potensi dimiliki rantau Borneo ke peringkat antarabangsa.

"Banyak hasil karya pengkarya berwibawa serantau boleh diketengahkan ke peringkat antarabangsa.

"Usaha ini tidak hanya memberi manfaat kepada pengkarya seni, malah mampu memberi nilai keuntungan kepada kerajaan negeri khususnya dalam memacu sektor ekonomi dan pelancongan serantau.

"Justeru, usaha seperti meningkatkan infrastruktur bagi menyokong industri seni serta memperbanyakkan lagi platform untuk pameran seni perlu dilaksanakan," katanya.

Hadir Konsul Konsulat Agung Negara Brunei Darussalam di Sabah, Mohamad Ashrul Abdul Samad; Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Lembaga Pembangunan Seni Negara, Rohana Mohd. Yusof; dan Pengarah GAH-UMS, Prof. Madya Dr. Mohammad Puad Bebit.



**SENI:** Shahril dan Mohamad Ashrul melihat salah satu lukisan yang dipamerkan.



**KENANGAN:** Pengiran Abd. Wahab (kiri) menghadihkan salah satu lukisan beliau kepada GAH-UMS.\*